

FAMA giat laksana promosi *MyAgrosis*

MELAKA 19 Nov. - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) kini giat melaksanakan pelbagai pendedahan mengenai program Kelab Usahawan Siswazah Tani (*MyAgrosis*) bagi melahirkan usahawan siswazah tani moden yang berkeyakinan dan berdaya saing.

Pengerusinya, Tan Sri Badruddin Amirudin berkata, sehingga kini, kelab *MyAgrosis* mempunyai seramai 20,000 ahli dan bilangan yang berdaftar dengan Agrobank mencecah 11,422 orang.

Menurutnya, FAMA turut menyasarkan seramai 350 usahawan siswazah akan dilahirkan tahun ini melalui *MyAgrosis* yang diwujudkan di universiti awam bertu-

juan menggalakkan mahasiswa menceburi bidang berkenaan.

"Menerusi program ini, ahli *MyAgrosis* juga akan menjalani latihan inkubasi usahawan tani kelolaan Universiti Putra Malaysia (UPM) selama enam bulan.

"Mereka yang berkecayakan juga akan dibantu menerusi suntikan modal dengan pinjaman daripada Agrobank sehingga RM30,000 dan Tekun Nasional sehingga RM50,000 bagi memulakan perniagaan," katanya.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan program Jelajah *MyAgrosis* Peringkat Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Bandar di Jalan Hang Tuah, di sini semalam.



**BADRUDDIN
AMIRULDIN**

Sementara itu, Badruddin memberitahu, lepasan universiti juga digalakkan menceburi bidang perniagaan khususnya industri berasaskan pertanian dan makanan kerana potensinya menjana pendapatan lumayan.

Katanya, graduan harus menyuntik semangat untuk bergelar usahawan tani dan mengikis sikap suka makan gaji apabila menceburi bidang kerjaya kelak.

"Pasaran dalam bidang perniagaan pertanian dilihat amat meluas dan sebagai usahawan, kita perlulah bersikap kreatif dan inovatif untuk memasarkan sesuatu produk," katanya.

Tambah beliau, FAMA akan terus memainkan peranan bagi membantu dari segi pemasaran selari dengan hasrat untuk mewujudkan 1,000 pasar tani menjelang 2020.